

SOALAN NO: 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS

TARIKH: 7 MAC 2018

SOALAN:

**Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan syarat Tabung Kemahiran memerlukan sesebuah pusat latihan beroperasi melebihi setahun untuk layak memohon pinjaman bagi pelajar mereka. Adakah pihak Kementerian bercadang mengkaji semula syarat tersebut.

PR-1361-L04413

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat asas pendaftaran sebagai Penyedia Latihan (PL) di Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) ialah perlu beroperasi sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebelum berdaftar dengan PTPK. Tujuan syarat asas ini adalah untuk menjamin kualiti dan mutu latihan yang disediakan oleh PL kepada pelatih selain ianya akan menjanjikan kebolehpekerjaan yang tinggi kepada pelatih. Tujuan lain penetapan syarat ini adalah untuk memastikan PL mampu berdaya saing dan tidak terlalu bergantung kepada pembiayaan latihan kemahiran yang disediakan oleh PTPK sahaja. Namun, pengecualian syarat ini boleh diberikan kepada PL yang menjalankan program latihan kritikal yang menyokong kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) serta disokong oleh permintaan industri setempat.

## SOALAN ( 56 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 MAC 2018  
[ RABU ]

DARIPADA : YB. DR. TAN SENG GIAW  
[KEPONG]

**SOALAN :-**

**YB. DR. TAN SENG GIAW [ KEPONG ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan keadaan kebakaran di negara dan langkah pencegahannya. Apakah sebab bangunan seperti Bangunan KWSP terbakar.

L37

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

**(i) Keadaan kebakaran di negara ini**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun **2017**, sebanyak **29,356** **kebakaran** telah dilaporkan dan dihadiri oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Ianya **menurun 41%** berbanding tahun **2016** yang mencatatkan bilangan kebakaran sebanyak **49,876 kes**.

Daripada keseluruhan kebakaran yang berlaku pada tahun 2017, hanya **5,485 (18%)** adalah merupakan **kebakaran bangunan** (selebihnya adalah kebakaran hutan, belukar, ladang, kenderaan, sampah, perkakas dan lain-lain). Jumlah **tertinggi kebakaran bangunan** adalah merupakan **rumah kediaman** iaitu **3,097 kes (57%)**, selebihnya adalah seperti berikut:

- Dapur : 5.6% (309)
- Setor dan gudang : 5.3% (291)
- Kilang: 5% (277)

- Pejabat : 2.75% (151)
- Bangunan komersial : 2.7% (146)
- Sekolah dan Institut Pengajian Tinggi : 1.6% (87)
- Rumah Ibadat : 1% (54)
- Klinik dan hospital : 0.5% (30)
- Lain-lain (bengkel, gerai, dewan dsb): 19% (1,043)

Secara keseluruhannya kebakaran di negara ini terkawal dan bilangan kebakaran yang melibatkan bangunan adalah rendah. Ini kerana kesemua bangunan yang dibina di negara ini telah mematuhi ciri-ciri keselamatan kebakaran sebagaimana yang digariskan dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang mana ianya juga menepati piawaian dan amalan keselamatan kebakaran antarabangsa.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia juga dari masa ke semasa akan memeriksa bangunan di seluruh negara bagi memastikan sistem keselamatan kebakaran yang terdapat dalam bangunan sentiasa berkeadaan baik dan berfungsi semasa kebakaran.

**(ii) Kebakaran di Bangunan KWSP Jalan Gasing, Petaling Jaya**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, Siasatan yang dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mendapati, kebakaran di Bangunan KWSP Jalan Gasing, Petaling Jaya pada 13 Februari 2018 adalah berpunca dari **Single Burner LPG Flame Gun** yang digunakan oleh pekerja untuk memanaskan **granule bitumen membrane roll** bagi tujuan penyelenggaraan **water proofing** di tingkat satu bahagian luar bangunan berkenaan.

Semasa pemanasan itu, **percikan api** telah **terkena** kepada **cladding** di bahagian luar bangunan yang diperbuat dari **polystyrene foam** sejenis bahan **mudah terbakar** lalu menyebabkan kebakaran merebak dengan cepat.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018

## SOALAN ( 57 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 7 MAC 2018  
[ RABU ]****DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA  
[ BAKRI ]****SOALAN :**

**YB TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan projek rumah mampu milik di setiap negeri, tarikh pecah tanah dan tarikh siap pembinaan. Nyatakan bilangan unit rumah yang telah serah kunci mengikut kaum pada tahun 2011, 2012, 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan matlamat untuk membina 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) mulai 2013 hingga akhir tahun 2018 bagi golongan B40 dan M40 untuk memiliki rumah. Terdapat beberapa agensi yang melaksanakan pembangunan RMM termasuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan lain-lain agensi berkaitan termasuk Kerajaan Negeri.



Status Pelaksanaan 1 Juta RMM adalah seperti berikut :-

**STATUS PELAKSANAAN 1 JUTA RMM (2013- DISEMBER 2017)**

<b>SIAP DAN DALAM PEMBINAAN</b>	<b>DALAM PERANCANGAN</b>
450,619 unit	448,028 unit

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan Pelaksanaan 1 Juta RMM yang dinyatakan, Kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi memenuhi keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah .

Status Pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR) sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:-

**STATUS PELAKSANAAN PROJEK PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT  
(PPR) SEBAGAI SALAH SATU KOMPONEN PROGRAM 1 JUTA  
RUMAH MAMPU MILIK**

**SEHINGGA 31 DISEMBER 2017**

<b>NEGERI</b>	<b>PROJEK SIAP (UNIT)</b>	<b>PROJEK DALAM PEMBINAAN (UNIT)</b>	<b>PROJEK DALAM PERANCANGAN (UNIT)</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN (UNIT)</b>
<b>JOHOR</b>	8,278	3,217	1,830	13,325
<b>KEDAH</b>	2,206	1,416	1,500	5,122
<b>KELANTAN</b>	1,000	2,118	465	3,583
<b>MELAKA</b>	1,436	255	160	1,851
<b>N.SEMBILAN</b>	570	652	0	1,222
<b>PAHANG</b>	3,668	700	500	4,868
<b>PERAK</b>	915	359	500	1,774
<b>PERLIS</b>	1,428	0	0	1,428
<b>P.PINANG</b>	929	70	0	999
<b>SABAH</b>	19,491	3,958	2,750	26,199
<b>SARAWAK</b>	3,521	1,451	461	5,433
<b>SELANGOR</b>	5,184	400	900	6,484
<b>TERENGGANU</b>	1,002	0	500	1,502
<b>WP LABUAN</b>	0	0	500	500
<b>WPKL</b>	34,862	0	0	34,862
<b>JUMLAH</b>	<b>84,490</b>	<b>14,596</b>	<b>10,066</b>	<b>109,152</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, secara dasarnya pelaksanaan projek PPR akan dibangunkan dalam tempoh masa 2 hingga 4 tahun untuk disiapkan dan selepas disiapkan penyelarasan bagi pengisian dan penyewaan PPR tersebut akan diselaraskan oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Pejabat SUK Perumahan Negeri atau Lembaga Perumahan Negeri masing-masing mengikut kelayakan pemohon dan tanpa mengira kaum.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018